

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) jumlah kerugian wang akibat penipuan kes Macau Scam dari tempoh 2015 ke bulan September 2020. Nyatakan hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil terhadap suspek utama Macau Scam bergelar Datuk Seri yang melarikan diri daripada ditahan polis, sebaik sahaja dibebaskan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Macau Scam merupakan sebahagian dari kategori dalam jenayah *telecommunication fraud* selain penipuan atas talian, penipuan SMS dan sebagainya.

Jumlah keseluruhan kes *Telecommunication Fraud* dari 2015 hingga 15 Oktober 2020 adalah 23,427 kes dengan jumlah kerugian sebanyak RM917,399,348.77. Berhubung kes Macam Scam yang dinyatakan tersebut, PDRM masih menjalankan siasatan dan telah menahan beberapa individu yang didakwa terlibat dengan kegiatan Macau Scam dan Judi Online, yang berkaitan dengan siasatan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Merujuk kepada suspek yang berkenaan, PDRM telah berjaya menangkap suspek tersebut pada 27 Oktober 2020. Setakat ini siasatan pihak polis dibuat berdasarkan undang-undang di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).